

Disediakan oleh: Hamidah Mohd



Program ini diadakan pada 13 Disember 2023 pada hari rabu. Program tersebut diadakan di ruang legar Court Yard, UiTM Cawangan Kedah. Tarikh tersebut dipilih berikutan pada hari tersebut dijalankan satu program festival jualan Fun Fun Fest 2023 anjuran pelajar yang berlangsung pada 12hb hingga 14hb Disember 2023. Sasaran program tersebut adalah para pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Kedah yang menyertai festival jualan tersebut.

Memberi kemudahan kepada warga kampus untuk membuat pinjaman buku tanpa perlu hadir ke perpustakaan. Disamping itu, melalui program mobile library ini pihak perpustakaan dapat mendekati warga kampus dengan memberi konsultasi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan disamping mempromosi perkhidmatan perpustakaan digital dan keahlian luar perpustakaan.

Membuka booth berhampiran laluan masuk ke festival jualan Fun Fun Fest. Turut disediakan bersama dengan booth tersebut adalah beberapa buah buku pilihan, brosur dan hadiah cerderahati bagi pengunjung bertuah yang membuat pinjaman bahan. Antara kakitangan perpustakaan yang terlibat secara langsung dalam program tersebut adalah Encik Zakaria Muhamad dan Encik Muzammil Mohd Mustaffa dari Unit Pelanggan (Sirkulasi), Puan Noor Azlina Mat Esoff dari Unit Pembelajaran Digital serta Puan Norismalaliza Che Onn dari Unit Rujukan. Program tersebut bermula jam 11.00 pagi dan tamat jam 1.00 petang.